

# RUMAH MELAYU TRADISI

Umsuh di Pottog.

bab I


## PENGENALAN

Dari segi sejarah rumpun bangsa Melayu ada pendapat yang mengatakan bahawa manusia yang mula-mula bermastautin di Semenanjung Malaysia ini ialah bangsa Melanesia atau bangsa Oceanic Negroid. Mereka ini terdiri daripada bilangan yang kecil, hidup berkelompok-kelompok di merata-rata tempat yang tertentu di seluruh Semenanjung Malaysia. Kemudian mereka terpaksa berundur ke pedalaman apabila datangnya bangsa Mongolin yang lebih bertamadun. Bangsa Mongolin adalah bangsa yang dikatakan nenek moyang bangsa rumpun Melayu, yang tersebar meluas ke seluruh rantau gugusan pulau-pulau Melayu atau yang sekarang ini disebut Nusantara.

Sejak wujudnya bangsa Melayu, mereka juga mempunyai tempat-tempat berlindung yang kemudian dipanggil sebagai rumah. Bila sebenarnya orang Melayu telah pandai membina rumah dan bagaimana pula bentuk rumah yang mula-mula dibina oleh mereka itu adalah satu persoalan yang tidak sesiapa dapat menyatakannya dengan tepat. Walau bagaimanapun jika ditinjau dari sudut tertentu terutama sekali dari alam persekitaran, maka idea orang Melayu membina rumah, sama juga seperti bangsa Negroid, iaitu menggunakan bahan-bahan yang terdapat di persekitaran seperti bahan kayu dan juga daun-daun.

Bentuk rumah yang mula-mula digunakan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung ini ialah bentuk rumah berpanggung, iaitu bertiang, lantainya tinggi dari permukaan tanah, manakala bentuk bumbungnya dikenal sebagai bumbung 'lipat kajang', yakni mengandungi dua tutup bumbung yang dilipat seperti huruf V terbalik, dan pada puncak pertemuan tutup bumbung itu dipasang kayu panjang lurus mendatar dipanggil 'tulang bumbung', pada dinding tepinya pula dipasang dinding tegak yang dipanggil 'tebar layar' atau 'tubing layar'.

Rumah yang awal digunakan oleh orang-orang Melayu dengan bentuk bumbung panjang dan bertebat layar biasanya dipanggil sebagai 'dangau' atau 'teratak', bentuk yang sedemikian masih lagi digunakan oleh orang-orang Melayu terutama di perkampungan pedalaman ataupun di dusun buah-buahan sawah padi dan sebagainya. Bentuk yang awal rumah dangau dikenal sebagai 'Rumah Gajah Menyusu', yakni pada rumah itu disambung sebuah unit lagi bangunan di mana tulang bumbungnya lebih rendah dari tulang bumbung ibu. Rumah dangau yang hanya terdiri dari satu unit rumah ibu hanya dikenal sebagai 'Rumah Bujang' sahaja.



Rumah dangau yang masih terdapat hingga sekarang.



Rumah dangau bentuk Gajah Menyusu di Kampung Belum Baru, Hulu Perak.


Rumah-rumah orang Melayu yang awal ini, di mana sebelum datangnya pengaruh-pengaruh luar yang membawa alat-alat tukang rumah yang lebih baik, adalah sangat ringkas sistem teknologi pembuatan struktur bangunan rumahnya, teknik persendian sekadar diikat dengan bahan rotan atau akar, kemudian sedikit tarahan dibuat pada konstruksi tiang, dinding dan bumbungnya.

Alat-alat bertukang yang lebih baik, terutama sekali alat-alat tukang yang datang yang dibawa dari luar oleh saudagar-saudagar ataupun pengembara-pengembara yang berhijrah ke Nusantara telah memberi peluang kepada tukang-tukang rumah Melayu membina rumah dengan sistem teknologi pembinaan rumah yang lebih baik. Zaman sebelum datang pengaruh luar tiang-tiang rumah adalah berbentuk bulat belaka, iaitu dibuat dari anak-anak pokok kayu, manakala teknik persendian rangkanya sekadar diikat dengan rotan atau akar, kemudian dibuat tarahan tanggam untuk mengejapkan konstruksi tiang, dinding, bumbung dan sebagainya. Tetapi dalam perkembangan kemudian ini tiang-tiang telah mula dibuat bersegi dan dibuat tebuk-menebuk untuk laluan kayu-kayu rasuk dan alang, serta diberi baji selain dari penggunaan pemeting.

Alat-alat seperti ketam dan gergaji juga telah memberi peluang kepada tukang-tukang rumah Melayu membuat lantai dan dinding rumah yang lebih baik daripada yang sudah-sudah, yang hanya dibuat dari baluk-baluk kayu yang digergaji.



Sistem persendian rangka dengan cara diikat dan tarahan tanggam.



Sistem persendian dengan cara tebuk menebuk dan pakai pemeting.

Sungguhpun begitu tidaklah pula bermakna bahawa dengan kemunculan alat-alat pertukangan yang baru itu, maka tukang-tukang rumah Melayu telah meninggalkan langsung kemahiran kerja tangan mereka seperti menyirat dinding-dinding tepas yang berkelarai untuk digunakan sebagai dinding rumah atau muka tebar layar, kerana hingga sekarang ini kerja tangan yang memerlukan kemahiran tertentu itu masih wujud.

Alat-alat tebuk-menebuk yang terdiri daripada berbagai jenis pahat juga merupakan alat-alat penting dalam senibina rumah Melayu. Dengan alat tersebut kegunaan papan-papan untuk dinding dan lantai telah pula diperkenalkan dan teknik yang lebih baik.

Kedatangan pengaruh-pengaruh luar terutamanya pengaruh kepercayaan agama juga mempengaruhi senibina tempatan seperti agama Hindu/Buddha yang mula-mula datang ke Nusantara telah memperkenalkan beberapa peraturan yang sesuai dengan cara hidup penduduk-penduduk tempatan. Penganut-penganut Hindu/Buddha telah memperkenalkan bangunan-bangunan candi atau rumah ibadat, rumah tempat bersemayam raja-raja pemerintah dan lain-lain bentuk bangunan yang sangat mengagumkan di mana kesan-kesan peninggalan merupakan monumen-monumen yang sangat menakjubkan manusia yang hidup di masa kini.

Pengaruh-pengaruh kepercayaan agama terhadap senibina juga terus diberi perhatian oleh tukang-tukang Melayu dalam rekabentuk rumah-rumah tempat tinggal dengan tidak mengenyahkan sama sekali ciri-ciri tertentu dalam senibina asli yang telah diwarisani turun-temurun.

Agama Islam yang menjadi pilihan kepada sebilangan besar orang-orang rumpun Melayu di Nusantara telah juga memberi sumbangan dalam senibina rumah-rumah tradisional Melayu. Di Semenanjung Malaysia rumah-rumah tradisional Melayu tidak banyak berubah dalam pembentukan struktur ataupun juga sistem teknologi pembuatan rumah. Namun perubahan yang nyata ialah tentang susunan ruang dan bahagian-bahagian komponen bangunan rumah yang mula disesuaikan dengan kehendak-kehendak ajaran agama Islam. Maka di sinilah perubahan-perubahan telah dibuat bagi mewujudkan ruang-ruang tertentu untuk kegunaan kaum lelaki dan juga kaum perempuan.


Di Negeri Sembilan di mana orang-orang Melayunya berasal dari Minangkabau telah memperlihatkan bentuk dan gaya rumahnya sangat dipengaruhi oleh senibina dari mana asal keturunan mereka. Istana Ampangan Tinggi dan Istana Lama Seri Menanti adalah merupakan sebagai satu contoh di mana unsur-unsur senibina Minangkabau diperkenalkan dalam seni bentuk bangunan tersebut.

Di negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang masih terdapat rumah tradisional dari bentuk bumbung Rumah Panjang. Gaya senibinanya memperlihatkan adanya pengaruh-pengaruh dari utara.

Negeri Kelantan dan Terengganu masih terdapat dua bentuk rumah Melayu yang dikira sebagai rumah asli tempatan yang telah sekian lama digunakan oleh orang-orang Melayu. Kedua-dua bentuk rumah tersebut masing-masing dikenal sebagai 'Rumah Bujang' dan 'Rumah Tiang Dua Belas'. Senibina kedua-dua bentuk rumah tersebut tidak dapat dipisahkan dengan senibina rumah-rumah tradisional yang terdapat di selatan Thai, terutama di Patani, Songkhla, Nakhom Sitammarat, Surat Thani dan lain-lain wilayah selatan Thai kerana sebahagian besar penduduk asalnya ialah orang-orang Melayu yang mempunyai pertalian yang begitu rapat dengan orang-orang Melayu dari sebelah utara Semenanjung Malaysia, terutama sekali di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Perak.



Rumah Tiang 12, Pulau Besar, Kelantan.



Rumah Panjang Perlis.



Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan.

Di negeri Perak pula saki-baki rumah yang tertua iaitu yang dipanggil 'Rumah Kutai' masih dapat dilihat di bahagian-bahagian tertentu di tebing Sungai Perak. Rumah dari kumpulan 'Rumah Bumbung Panjang' ini semakin pupus dari masa ke semasa kerana tidak pernah terfikir untuk membina yang baru.


Di negeri Melaka juga kita masih dapat melihat di sana sini satu bentuk rumah Melayu yang masih dapat mempertahankan identiti senibinanya. Rumah asli di Melaka dikenal sebagai 'Rumah Melaka', ia diasaskan dari bentuk 'Rumah Bumbung Panjang', namun telah terdapat kombinasi yang luar biasa terhadap senibina aslinya, tangganya yang cersalut jubin berwarna-warni itu merupakan suatu pengaruh senibina luar terutama pengaruh senibina Cina, begitu juga bentuk bumbungnya terdapat unsur-unsur senibina Bugis, Jambi, Riau dan Minangkabau.

Seperti mana di negeri Johor, sepanjang kajian yang telah saya buat, hampir tidak ada lagi rumah tradisional Melayu dari bentuk 'Bumbung Panjang', apa yang dapat dilihat pada masa ini di mana-mana juga yang kelihatan ialah 'Rumah Bentuk Limas' dengan pengaruh senibina Bugis, Jawa, Banjar dan Belanda. Di Parit Pecah, Muar terdapat sebuah rumah Melayu yang luar biasa bentuknya, rumah yang diduduki oleh Encik Tahir bin Daeng Mustaffa itu tidak syak lagi dipengaruhi oleh Rumah Adat Bugis. Hanya itulah satu-satunya rumah Melayu yang sedemikian bentuk terdapat di Semenanjung Malaysia.

Di negeri Selangor, seperti di daerah Kuala Langat, Kuala Selangor dan juga Beranang, masih kelihatan beberapa buah rumah berusia tua dari kumpulan rumah bumbung panjang. Mungkin ia merupakan saki-baki bentuk rumah yang mula-mula digunakan oleh penduduk-penduduk tempatan.

Kampung Baru yang terletak di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, masih kekal sebilangan kecil rumah-rumah tradisional Melayu yang berusia tua. Senibinanya memperlihatkan pengaruh-pengaruh senibina Rumah Bumbung Panjang Melaka. Rumah-rumah tersebut dapat dilihat di Jalan Raja Abdullah, Kampung Paya, Kampung Pindah, Jalan Raja Alang dan Jalan Hamzah. Rumah-rumah berbentuk senibina rumah bumbung panjang Melaka itu adalah sebenarnya milik asal orang-orang Melayu yang datang dari Melaka pada awal kurun ke-20. Mereka ini berhijrah beramai-ramai dan membuka kelompok-kelompok perkampungan kecil di tempat-tempat yang disebutkan tadi.

Negeri Pahang yang di tengah-tengahnya mengalir sungai yang terbesar bagi negeri itu iaitu Sungai Pahang, masih terdapat sebuah dua rumah lama yang terletak berhampiran dengan tebing sungai, bentuk rumah yang disebut 'Rumah Serambi Pahang', dianggap bentuk rumah tradisional bagi Pahang dan ianya kian pupus.



Rumah Kutai di Kampung Sayong Lembah, Kuala Kangsar  
berusia lebih seratus tahun.

Senibina rumah-rumah Melayu mengalami perubahan yang besar apabila datangnya penjajah barat terutamanya Belanda dan Inggeris ke alam Melayu. Penjajah Barat dianggap memainkan peranan penting dalam memperkenalkan satu bentuk bumbung rumah yang mana dipanggil oleh orang Melayu sebagai 'Bumbung Belanda', ini telah memberi peluang kepada tukang-tukang rumah menggabungkan dalam satu bentuk yang lain pula. Hasil kombinasi tradisi dengan bentuk bumbung Belanda maka muncullah rumah-rumah Melayu yang kemudiannya dikenali dengan nama 'Rumah Limas' atau disebut juga 'Rumah Potong Belanda'.

Bentuk rumah limas yang mula-mula diperkenalkan di Semenanjung Malaysia ialah bentuk 'Perabung Lima', rumah bentuk ini mudah dikenal dengan melihat bumbungnya yang menggunakan satu perabung lurus mendatar dan diikuti pula dengan empat buah perabung menurun ke cucuran atap. Bentuk bumbung ini tentulah tidak sama dengan bentuk rumah bumbung panjang yang mempunyai sebuah perabung lurus mendatar dengan tepi bumbungnya dipasang dinding tegak yang dipanggil tebar layar.


Rumah limas bentuk perabung lima terdapat di semua negeri di Semenanjung Malaysia, namun bentuknya berbeza-beza ciri-ciri tertentu. Di Terengganu, limas perabung lima dipanggil 'Rumah Limas Bungkus' dan lain-lain negeri hanya dikenal sebagai rumah perabung lima sahaja.

Perkembangan selanjut mengenai rumah bentuk limas ialah munculnya pula rumah 'Limas Potong Perak'. Rumah ini hampir sama bentuk bumbungnya dengan limas perabung lima, kecuali pada pertemuan perabung di sebelah atasnya terdapat bukaan atap kecil seperti huruf V terbalik.

Rumah limas potong Perak dikenal juga dengan beberapa nama. Di Terengganu terdapat rumah limas yang dipanggil 'Rumah Duduk Fesyen Belanda', 'Rumah Bujang Barat.', 'Rumah Duduk Bujang Bersorong' dan lain-lain lagi.

Hari ini orang-orang Melayu memiliki berbagai-bagai bentuk rumah, di luar bandar terutama sekali perkampungan-perkampungan tradisional yang kurang terjejas oleh arus pembangunan moden masih lagi kelihatan rumah-rumah tradisional, baik dalam bentuk bumbung panjang ataupun bentuk limas. Namun di kawasan bandar, atau kawasan-kawasan yang alam persekitarannya terdedah oleh pembangunan moden, satu demi satu rumah-rumah tradisional yang kian usang terus dirobohkan, dan pada tapaknya dibangunkan pula bentuk rumah yang sama sekali sudah berubah wajah, tidak lagi mencerminkan identiti senibina rumah tradisional Melayu yang telah diwarisi sejak zaman berzaman.

Hari ini dan esok adalah masa yang sukar ditentukan, hari ini kita dapat melihat sebuah rumah tradisional masih berfungsi, mungkin hari esoknya pula penghuni mula berkemas-kemas kerana rumah itu harus dirobohkan, baik untuk tujuan mendirikan rumah yang baru ataupun tapak rumahnya dijadikan tapak jalan raya atau lain-lain projek pembangunan.



Rumah potong Perak di Perlis



Rumah Tradisional Melayu di Gombak, Selangor.

## FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SENIBINA

Rumah-rumah tradisional Melayu adalah satu warisan milik orang-orang Melayu, di mana ia merupakan satu keperluan asas. Gaya dan stail bangunannya juga tidak dapat dipisahkan dengan beberapa faktor yang melibatkan cara hidup, ekonomi, alam persekitaran, iklim dan sebagainya lagi. Maka dari faktor-faktor itulah lahirnya berbagai-bagai gaya dan bentuk rumah-rumah tradisional Melayu di Semenanjung ini. Faktor-faktor tersebut adalah seperti yang diterangkan di sini.

### 1. Alam Persekitaran

Pemerhatian terhadap alam persekitaran adalah satu unsur yang sangat besar mempengaruhi bentuk senibina rumah-rumah tradisional Melayu. Pemerhatian bukan sekadar melihat tumbuh-tumbuhan dengan ciri-ciri dan kraktor yang tersendiri, namun manusia juga memberi perhatian terhadap bagaimana burung-burung membuat sarang dengan memilih bahan-bahan di persekitaran dan membuat sarang di tempat yang tidak jauh dari mana bahan-bahan itu terdapat. Keadaan dan cara yang sedemikian hampir sama juga dengan manusia, kecuali perbezaan bentuk dan tahap pencapaian atau darjahnya sahaja yang berbeza.

Alam persekitaran yang berhubung dengan bentuk muka bumi atau topografi juga, sebahagian daripada unsur-unsur yang mempengaruhi sesuatu bentuk senibina, setiap bangunan yang wujud di tapaknya tidak dapat dipisahkan dengan sifat-sifat tapak dan keadaan topografinya.

### 2. Iklim

Iklim adalah juga satu lagi faktor penting yang sangat diberi perhatian dalam pengeluaran dan penjelmaan sesuatu bentuk senibina di rantau ini, keadaan hawa panas oleh bahang dari matahari dengan hujan yang lebat sepanjang tahun adalah suatu masalah kembar yang patut diatasi, dengan cara membina bangunan-bangunan rumah yang berlandaskan kepada pemilihan bentuk yang sesuai. Dari pengaruh inilah kesemua rumah-rumah tradisional di rantau ini memilih gaya bentuk rumah berpanggung atau bertiang, berkolong, di mana lantainya tinggi dari permukaan tanah, kedudukan lantai yang tinggi itu adalah satu cara mengurangi kelembapan dari tanah, dan juga memberi laluan dan pengedaran udara keluar masuk, juga dapat mencegah ruang di dalam rumah ditenggelami oleh air jika berlaku banjir yang disebabkan oleh hujan. Lantai dan dinding dari anyaman pelupuh yang berlubangan seni, ruang terbuka di bawah cucuran atap adalah suatu konsep penghawaan atau pengudaraan yang dimaksudkan untuk mencegah panas serta mengatasi kelembapan di dalam ruang rumah.

Konsep penghawaan adalah merupakan suatu proses penyediaan udara bersih masuk ke dalam ruang dan mengeluarkan udara kotor dari ruang tertutup; secara tidak langsungnya permukaan udara keluar masuk ini dapat mencegah daripada pengaruh-pengaruh buruk yang merugikan kesihatan penghuni yang tinggal di dalam rumah.

Tutup bumbung yang tinggi dan curam hingga kadangkala bukaan sudutnya lebih 45° adalah juga satu cara yang dapat mempercepat pengaliran air hujan tanpa peresapan dan kebocoran pada atapnya yang dibuat dari daun-daun pokok rumbia, bertam, nipah dan sebagainya.

### 3. Cara Hidup


Senibina tidak dapat dipisahkan dengan cara hidup orang-orang Melayu, kedua-duanya ini saling kait-mengait dan pengaruh-mempengaruhi. Cara hidup orang-orang Melayu juga sentiasa meminda, memperbaiki, mengubah, bertindak balas dengan alam sembinanya, supaya sesuai dengan cara hidup yang sentiasa berubah-ubah itu. Adalah suatu hakikat yang benar bahawa senibina rumah-rumah tradisional Melayu adalah senibina yang dikenal sebagai 'Senibina Tidak Rasmi' yakni cara membinanya tanpa arkitek, tidak seperti sekarang ini di mana sesuatu bentuk bangunan moden memerlukan pelan yang khusus disediakan oleh para arkitek.

Cara hidup orang-orang Melayu juga merangkumi banyak perkara, seperti aturan warisan yang turun-temurun baik yang berhubung dengan adat resam, kepercayaan, animisme, agama dan sebagainya. Bentuk kebudayaan Melayu juga sehingga hari ini adalah leburan daripada beberapa bentuk kebudayaan yang telah isi mengisi antara satu sama lain, seperti kebudayaan Melayu warisan dari nenek moyang, kebudayaan dari pengaruh agama Hindu, Buddha dan Islam, kebudayaan dari barat, kebudayaan timur seperti India, Arab dan China, dan akhirnya pengaruh-pengaruh dari kebudayaan serantau.

Pengaruh-pengaruh agama banyak mencakupi ruang hidup kehidupan orang-orang Melayu, baik pada waktu zaman pengaruh kebudayaan Hindu/Buddha dan Islam yang datang kemudian ini. Rumah-rumah tradisional Melayu juga tidak dapat dipisahkan dengan pengaruh yang demikian, baik bentuk fizikalnya ataupun konsep dan fungsi ruangnya yang diubah dan disusun mengikut kehendak aturan dalam agama Islam.

### 4. Nilai

Senibina rumah-rumah tradisional Melayu juga tidak dapat lari dari pengaruh-pengaruh yang berhubung dengan nilai, dan nilai pula berbeza-beza. Di zaman tradisi sesuatu bentuk senibina, selain daripada pengaruh nilai gunanya juga memberi perhatian terhadap nilai spiritual, nilai estetika dan juga nilai etika, kerana waktu itu sikap pemikiran orang-orang Melayu lebih dipengaruhi oleh sikap menghargai hidup kerohanian yang berlandaskan nilai akhlak dan budi. Lama-kelamaan dengan datangnya pengaruh dari barat yang lebih bersifat nilai kebendaan, maka pengaruh yang baru ini sudah menjadi suatu tarikan kepada orang-orang Melayu. Bertambahnya nilai yang menghargai kekayaan harta benda ini rupa-rupanya menular juga dalam bentuk senibina rumah-rumah Melayu yang kemudian ini, dan dari faktor-faktor yang sekian banyak jenis dan bentuk dapat dilihat di Semenanjung Malaysia yang berterusan sepanjang zaman.



Nilai-nilai estetika dan ekonomi mempengaruhi senibina rumah limas moden – satu bentuk rumah limas di Kg. Bharu, Kuala Lumpur


## STRUKTUR RUMAH

Rumah tradisional Melayu dibangun oleh gabungan bahan-bahan yang membentuk bangunan rumah, gabungan bahan-bahan binaan itu disebut struktur bangunan atau kerangka, terdiri atas tiga perenggan utama iaitu perenggan tiang, perenggan dinding dan perenggan bumbung.

### 1. Perenggan Tiang

Kekuatan dan ketahanan sesebuah rumah sangat bergantung kepada gabungan bahan-bahan binaan yang masuk dalam perenggan ini, dan bahan binaan yang terpenting sekali ialah tiang-tiang rumah. Oleh itu konstruksi tiang haruslah dari jenis-jenis kayu yang terbaik, kuat dan tahan menanggung beban berat bangunan rumah.

Rumah-rumah Melayu di zaman dahulu, kaki-kaki tiangnya ditanam ke dalam tanah, contoh kaki tiang yang sedemikian masih dipakai pada rumah-rumah dangau atau teratak, namun sejak kebelakangan ini hampir semua rumah Melayu yang berbentuk bumbung panjang ataupun limas, tiang-tiangnya tidak lagi ditanam ke dalam tanah. Kaki tiang sudah diberi alas dan disebut 'lapik tiang' atau 'alas tiang', baik dibuat dari kayu atau bahan konkrit ataupun batu gunung. Jika lapik tiang dari konkrit, maka kaki tiang sering dipakai lubang kuku tiang iaitu untuk menempatkan kuku tiang. Di zaman tradisional pada lubang kuku tiang selalunya diletak duit syiling atau tahi bijih, iaitu sebagai satu peraturan adat yang ada kaitannya dengan kepercayaan yang berhubung dengan sesuatu mistik.



Tiang konkrit pada rumah limas moden.



Tiang yang memakai pelancar (belira) pada rumah lama di Terengganu.

Tiang-tiang pada rumah Melayu dikenal dengan beberapa nama seperti tiang seri, tiang panjang, tiang serambi, tiang tongkat, tiang gantung, tiang tambah atau tiang penyokong. Tiang utama di baris tengah pada rumah bumbung panjang berukuran lebih panjang dari tiang-tiang utama yang disebut tiang serambi sama naik, manakala pada baris tiang panjang pula terdapat sebatang tiang yang dikenali sebagai tiang seri, tiang seri merupakan tiang adat dan sangat dipandang mulia dalam upacara pembinaan rumah.

Tiang pendek, tiang tongkat dan tiang gantung hanya had paras lantai. Tiang tongkat atau tiang penyokong juga had paras lantai biasanya ditambah kemudian untuk menguatkan kedudukan lantai.

Rasuk adalah bahan binaan kayu yang berfungsi sebagai pengikat rangka rumah, tanpa rasuk tiang-tiang tidak dapat berdiri dengan baik. Rasuk yang memanjang rumah disebut rasuk panjang, dan yang melintang rumah disebut rasuk pendek atau rasuk rot.

Di Negeri Sembilan dan Melaka rasuk panjang di ibu rumah disebut juga sebagai 'kayu pelancar', di negeri Kelantan dan Terengganu kayu-kayu pelancar dipasang kira-kira 60 cm ke atas dari kaki tiang dan dikenali dengan nama 'belira'. Baris-baris kayu yang melintang terletak di atas alang dipanggil gelegar yang berfungsi sebagai alas lantai. Bendul adalah kayu penutup hujung lantai, letaknya melingkari bangunan sebelah luar rumah, dan juga sebagai pemisah ruang-ruang serambi, rumah ibu, selang dan dapur.

Lantai adalah had perenggan tiang dengan perenggan dinding, bahan rangka ini beralkakan kayu-kayu gelegar, di zaman dulu rumah-rumah tradisional Melayu hanya menggunakan lantai jeria, iaitu bilah-bilah yang dibuat dari batang pinang atau buluh yang dibelah kira-kira selebar dua atau tiga jari. Bilah-bilah tersebut disusun atas gelegar dan dikemaskan dengan rotan atau akar, gayanya seperti menyirat lukah dan bubu ikan, ada juga yang menggunakan lantai dari buluh yang diracik halus-halus.




Susunan lantai yang melintang atas gelegar, manakala rasuk panjang dan rasuk pendek di sebelah bawahnya, kelihatan tiang-tiang tongkat.

Perkembangan yang selanjutnya lantai-lantai rumah Melayu sudah menggunakan lantai papan yang dibelah dengan gergaji atau diarah dengan pematil. Kemudian ini lantai-lantai papan sudah pula berketam dan dapat dibeli dengan mudah di kilang-kilang papan.

Perenggan tiang juga terdapat tangga, gunanya untuk turun naik ke rumah, di zaman dahulu bentuk tangga agak mudah iaitu dibuat dari kayu bulat sahaja, dan anak tangga juga dari kayu bulat yang diikat dengan rotan atau akar, cuma sedikit tarahan tanggam dibuat pada paha tangga supaya anak tangga tidak mudah terluat. Tangga jenis demikiah masih lagi digunakan pada rumah-rumah bentuk dangau di desa-desa terpencil. Perkembangan yang selanjutnya maka rumah-rumah tradisional Melayu sudah memakai bentuk-bentuk tangga yang lebih baik iaitu dari papan, dan kemudian ini bahan konkrit pula telah digunakan, contohnya seperti tangga batu pada rumah Melaka yang ada pula disalut dengan jubin beraneka warna.

Rumah-rumah tradisional Melayu menggunakan tidak kurang daripada tiga buah tangga, iaitu di hadapan rumah, di ruang selang dan di pintu belakang. Tangga depan terletak di hadapan serambi dan pada rumah yang beranjung pula tangganya diubah ke anjung. Ada juga tangga-tangga depan yang mempunyai ruang kecil yang dinamakan 'Rumah Tangga' yang mana selalunya berpelantar dan juga pangkin untuk duduk. Rumah-rumah berloteng atau berperan terdapat juga tangga yang dipasang di dalam rumah; seperti rumah-rumah bentuk bumbung panjang di Negeri Sembilan dan Melaka masih mengekalkan tangga tersebut.



Gambar-gambar di atas menunjukkan:

- 1) Tangga dan kayu bulat selalunya dipakai pada rumah dangau.
- 2) Tangga yang bertarah tanggam.
- 3) Tangga yang memakai pemeting.

## 2. Perenggan Dinding

Dinding ialah satu bahagian binaan yang membangun suatu rumah, ianya berfungsi ganda, di samping berfungsi konstruksi maka dinding juga berfungsi sebagai dekoratif, yakni dindingnya sering memperlihatkan ciri-ciri seni ukiran yang menarik sebagai lambang status penghuni rumah.

Di zaman dahulu sebelum dinding papan diperkenalkan, rumah-rumah Melayu menggunakan daun-daun pokok sebagai bahan tutup dinding. Biasanya daun-daun bertam, cucuh, enau, rumbia dan juga daun nipah. Daun-daun tersebut disusun dan disirat menjadikan berkajang atau berbidang.

Penggunaan dinding-dinding pelupuh ataupun dinding tepas sudah lama diperkenalkan pada rumah Melayu. Hingga sekarang ini dinding pelupuh atau tepas masih lagi terdapat pada setengah-setengah rumah Melayu terutama sekali rumah-rumah bumbung panjang Kedah/Perlis dan juga rumah kutai di Perak. Dinding pelupuh atau tepas adalah dari buluh atau juga bemban yang dianyam mengikut corak yang dikehendaki. Pelupuh yang bercorak lebih dikenali sebagai kelarai, ada terdapat bermacam-macam corak kelarai yang sangat indah, dan terkenal sebagai hasil kerja tangan orang Melayu yang sangat mengagumkan. Terdapat berbagai nama yang diberi kepada kelarai yang bercorak, seperti kelarai bunga, kelarai tampuk manggis, kelarai siku keluang, kelarai rebah, kelarai rasuk kerbau, kelarai piling berganda, kelarai bintang, kelarai ketam bawa anak, kelarai akar selusuh, kelarai empat sebilik, kelarai mas murai dan beberapa nama yang lain lagi.

Dinding pelupuh dapat berfungsi dan boleh tahan hingga lebih 80 tahun, dan hingga sekarang ini masih terdapat rumah-rumah tradisional di Kedah, Perlis, Perak, Kelantan dan Terengganu yang dibina beratus-ratus tahun lampau masih lagi menggunakan dinding pelupuh. Contoh yang terbaik mengenai penggunaan dinding tepas yang berkelarai ialah 'Istana Tepas' atau lebih dikenali sebagai 'Istana Kenangan' di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak. Istana tersebut dibina kira-kira pada tahun 1918, dan menjadi tempat bersemayam sementara Sultan Iskandar Syah (Sultan Perak yang memerintah dari tahun 1918-1938), iaitu menantikan siap istana rasmi (Istana Iskandar yang dalam pembinaan).

Selain daripada dinding pelupuh dan daun-daun kayu, rumah-rumah Melayu menggunakan juga dinding kulit kayu dan papan. Dinding kulit kayu bagaimanapun hampir tidak dipakai lagi. Cuma terdapat sebuah sahaja rumah kutai di kampung Menora dekat Kuala Kangsar yang menggunakan dinding kulit kayu atau dinding 'bak' yang dipanggil oleh penduduk tempatan. Rumah tersebut merupakan salah satu bentuk rumah kutai yang dibina lebih 100 tahun lampau.

Dinding papan kembang biasanya terdapat pada rumah-rumah orang berada di negeri Kelantan dan Terengganu. Biasanya dinding papan kembang sering dipakai pada rumah bujang dan rumah tiang dua belas. Jenis dinding papan kembang jarang terdapat pada rumah-rumah Melayu di lain-lain negeri di Semenanjung, kecuali di Perak di mana terdapat sebuah dua rumah kutai yang menggunakan dinding papan kembang dan juga beberapa buah rumah bumbung panjang di Negeri Sembilan. Dinding papan kembang biasanya dibuat daripada kayu cengal ataupun merbau dan lain-lain jenis kayu yang baik.

Dinding yang biasa terdapat pada rumah-rumah Melayu sejak kebelakangan ini adalah dinding papan berketam yang boleh dibeli di kilang-kilang papan. Dinding-dinding ada yang dipasang secara menegak dan ada yang melintang, dinding yang disusun cara menegak memerlukan papan dinding yang berlidah, dan dinding yang dipasang secara melintang tidak perlu menggunakan papan berlidah. Memasang dinding memerlukan bingkai kayu yang dipanggil jenang atau tirus dinding dan kayu kambu sebagai tempat memaku papan dinding. Kayu jenang terdapat juga pada dinding-dinding pelupuh atau tepas. Begitu juga pada bingkai tingkap dan pintu memerlukan juga kayu-kayu jenang. Di sebelah luar dinding pada

setengah-setengah rumah lama terdapat pula pengapit dinding yang dipanggil kawan dinding.

Pada dinding terdapat pula tingkap dan pintu, pintu merupakan dinding yang boleh ditutup dan dibuka, fungsinya sebagai laluan untuk penghuni keluar masuk, mempunyai dua daun pintu yang dibuka ke dalam, jarang sekali rumah-rumah Melayu yang daun pintunya dibuka keluar. Di setengah-setengah rumah Melayu terdapat pula jenis pintu gelangsar iaitu pintu dengan sebuah daun pintu yang disorong ke tepi dinding semasa dibuka. Pintu jenis ini masih lagi terdapat pada beberapa buah rumah kutai di Perak. Pintu-pintu rumah Melayu di zaman dulu biasanya memakai selak dan palang pintu, tetapi kini rumah-rumah limas moden tidak lagi menggunakan selak dan palang pintu, sebaliknya pula dipakai kunci atau mangga.


Palang pintu juga berfungsi ganda, di samping sebagai alat kunci supaya daun pintu tidak boleh dikopak oleh anasir-anasir jahat, maka kayu palang pintu itu juga dapat digunakan sebagai senjata sekiranya mereka diserang oleh orang-orang jahat semasa mereka membuka pintu.

Rumah-rumah tradisional Melayu biasanya mempunyai tiga buah pintu, iaitu pintu hadapan yang terletak di serambi atau di anjung; pintu selang yang terletak di selang atau kelek anak dan pintu belakang yang terletak di belakang dapur. Di samping pintu-pintu yang mengarah keluar rumah, maka terdapat juga pintu-pintu di dalam rumah iaitu seperti pintu bilik, pintu serambi dan pintu-pintu yang memisahkan antara ruang-ruang ibu rumah, selang dan dapur.

Tingkap-tingkap yang terdapat pada rumah Melayu sama sekali tidak mengikut aturan yang tertentu. Di zaman dahulu terdapat beberapa bentuk rumah Melayu yang sering menggunakan tingkap-tingkap kecil berukuran lebih kecil dari tingkap-tingkap rumah limas Melayu yang terdapat pada masa ini. Hingga sekarang ini masih lagi terdapat rumah-rumah tradisional Melayu yang berusia tua yang mengekalkan tingkap bentuk lama yang mempunyai sekeping daun tingkap yang dibuka arah ke dalam rumah, ruang tingkap yang terbuka itu pula biasanya dipasang kayu kekisi. Jenis-jenis tingkap yang biasa terdapat pada rumah-rumah Melayu adalah tingkap yang mempunyai dua keping daun tingkap yang dibuka keluar. Ada setengah-setengah tingkap yang mempunyai daun tingkapnya terus hingga ke lantai dan separuh daripada bukaan tingkap diberi kekisi, dan ada juga yang tidak berkekisi. Sebagaimana dengan pintu, tingkap juga mempunyai bingkai kayu yang dipanggil jenang atau pahar, pada jenang dicantum kayu kambi sebagai pengalas dinding.




Tangga juga tempat berehat untuk melepaskan penat.



Dinding daripada pelupuh berkelarai.

### 3. Perenggan Bumbung

Perenggan bumbung adalah merangkumi berbagai-bagai bahan binaan, ianya dikira dari letaknya kayu alang panjang (kepala tiang) hingga ke tulang perabungnya yang di atas sekali, bahan-bahan gabungan pada perenggan bumbung adalah terdiri daripada kayu-kayu kasau jantan, kasau betina, gulung-gulung, tunjuk langit, naga-naga, larian tikus, tulang perabung (tulang bumbung), jeria, atap dan berbagai-bagai lagi, keterangan serta susunan rangka sila lihat lukisannya.



Tebar layar pada bumbung tepi, rumah bumbung panjang Selangor, di kampung Asam Jawa. Kelihatan tebar layar dipasang pada dinding tepi rumah.

## KONSEP DAN FUNGSI

Pada umumnya bentuk-bentuk rumah di seluruh dunia terdiri dari tiga bentuk utama, iaitu rumah yang setengah di bawah tanah (semi subteranian dwelling), rumah di atas tanah (surface dwelling), dan rumah berpanggung atau bertiang (pile dwellings), bagi rumah tradisional Melayu adalah termasuk rumah bertiang.

Kalau ditinjau dari sudut fungsi, sosial dan pemakaian, maka tempat berlindung itu adalah merupakan sebagai tanah angin atau pundung. Setelah didirikan dapat pula dirombak, dipindah dan didirikan semula di tapak lain, di samping itu ada pula rumah yang dibina kekal di suatu tapak. Perkembangan yang akhir ini dapat dibezakan pula antara rumah tempat tinggal keluarga kecil, tempat tinggal keluarga besar, rumah yang dijadikan sebagai tempat pertahanan, rumah kedai, rumah untuk pejabat dan sebagai lagi yang berkembang terus hingga di zaman moden ini.

Rumah ialah perkataan Melayu yang tertua, sejak bila dipakai dan dari mana asal diambil perkataan tersebut, masih menjadi tanda tanya. Menurut Koesuhara (ASRI Mei 1984), perkataan rumah itu sendiri adalah terjemahan dari bahasa Jawa 'griya' atau 'giri', dan kedua-dua perkataan ini bermakna 'gunung', dan gunung itu merupakan suatu bentuk alam semula jadi yang agung. Bagi orang-orang Jawa menyebut rumah ialah 'bhodo', dan perkataan bhodo itu sendiri memberi makna yang lebih luas, selain daripada menyebut rumah perkataan itu dipakai juga untuk menyebut bangunan yang bukan semata-mata berfungsi sebagai rumah tempat tinggal keluarga.

Rumah adalah suatu keperluan hidup manusia yang sangat penting, iaitu selain daripada makan, minum dan pakaian, rumah sebenarnya memiliki dua ciri penting, jika ditinjau dari sudut fizikal rumah merupakan sebagai tempat berlindung dari hujan dan panas, sebagai pangkalan tempat bertolak, berlabuh dan pulang, dan juga sebagai tempat aktiviti individu dan kemasyarakatan, tempat mengadakan beberapa aktiviti, orang Melayu tidak dapat dipisahkan dengan rumah seperti mana mereka lahir, hidup dan mati adalah proses yang harus dilalui oleh mereka yang hidup, dan proses ini juga sudah pasti berhubung rapat dengan rumah tempat tinggal.

Dari sudut psikologi pula rumah memberi rasa aman, tenteram, suasana harmoni, tempat mengasuh, mengasih, mendapatkan ketenangan jiwa, orang Melayu menganggap rumah adalah sebidang tempat yang jadi milik mereka di muka bumi ini, yang benar-benar adalah hak milik si penghuninya, jadi kalau orang Melayu yang tidak punya rumah sendiri, ia diibaratkan seperti seponon pokok rendang yang berbunga, tidak berbuah, tanpa memberi apa-apa sumbangan.

Rumah adalah juga sebagai status pada penghuninya, maka kerana itulah setiap orang Melayu masing-masing ada style dan caranya berdasarkan kemampuan dan kondisi untuk memilih sebuah rumah dengan rekabentuk yang menarik, kerana ia merupakan lambang status penghuninya.

Dari sudut fizikal pembahagian tiga perenggan dalam struktur bangunan merupakan suatu yang disesuaikan dengan kehendak tempat berlindung, memberi kekuatan dan juga dari kehendak persekitaran, penggunaan bahan dan sebagainya lagi. Suatu psikologi pula ia memberi beberapa tafsiran yang berbeza-beza, ada yang berpendapat pembahagian tiga perenggan rumah itu diibaratkan tiga peringkat yang penting dalam hidup manusia, iaitu lahir, hidup dan mati, yang berlaku tidak jauh dari rumah. Susunan yang jumlahnya tiga, baik struktur dan pembahagian bangunan dan ruang juga boleh memberi beberapa tafsiran yang menarik, ia boleh juga disifatkan sebagai tubuh badan manusia yang punya kaki, badan dan kepala, di mana masing-masing mempunyai fungsi tersendiri. Orang-orang Melayu berketurunan Bugis di Johor mensifatkan rumah adalah juga seperti tubuh badan manusia, di mana tubuh dan anggota badannya mengandungi pancaindera, maka begitu jugalah dengan rumah harus mempunyai alat-alat tubuh yang demikian. Bagi orang-orang Melayu Bugis, seorang manusia itu ada tulang selangka, maka pada rumah disebut 'bale-bale' (jenang-jenang dan turus dinding), pada rumah ada 'Aju Lekke' iaitu sebagai tulang punggung. Jika manusia mempunyai kaki, maka rumah mempunyai tiang atau disebut Aliri/Benteng. Begitulah pada pandangan konsep bangunan rumah bagi orang-orang Melayu berketurunan Bugis di negeri Johor.

Cara hidup orang-orang Melayu sejak di zaman dahulu lagi sangat mementingkan kehormatan adat resam dan sopan santun yang tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam. Satu daripada peraturan adat yang berhubung langsung dengan agama Islam yang dianuti oleh orang-orang Melayu ialah melarang pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrimnya.

Bagi menyesuaikan keadaan dan masalah inilah maka rumah-rumah tradisional Melayu mengadakan ruang-ruang tertentu, iaitu ruang untuk lelaki dan ruang untuk perempuan. Ruang lelaki terletak di bahagian hadapan merupakan formal yang mengandungi ruang-ruang tertentu seperti serambi, anjung, rumah tangga, lepau atau lembur.

Bahagian tengah rumah atau pasis adalah untuk digunakan oleh kaum perempuan dan juga sebagai tempat tidur suami isteri dan anak-anak perempuan. Bahagian pasis merupakan ruang yang diperuntukkan bagi kaum perempuan menjalankan berbagai-bagai kegiatan dalaman, bahagian tengah rumah atau bahagian pasif ini mengandungi bilik ruang khas untuk perempuan, kalau rumah yang ada ruang selang atau selasar, kelek anak dan jemuran dimasukkan juga dalam bahagian ini.

Bahagian di belakang sekali dikenali sebagai bahagian dapur atau bahagian aktif. Bahagian ini mengandungi ruang dapur untuk memasak, sebuah para untuk menyimpan barang-barang dapur, jemuran atau pelantar. Sungguhpun bahagian belakang dianggap bahagian aktif yang digunakan oleh kaum perempuan, namun tidaklah bermakna ruang tersebut tidak boleh digunakan oleh kaum lelaki, biasanya ia dapat digunakan bersama cuma merupakan suatu konseptual sahaja.

Rumah-rumah Melayu bentuk rumah limas moden ruang-ruangnya sudah ditetapkan untuk sesuatu penggunaan, misalnya ruang makan untuk makan, ruang tamu untuk tetamu, bilik mandi untuk mandi dan sebagainya.

Perkara yang menarik dalam senibina rumah limas ialah menempatkan bilik air di dalam rumah, hal ini tidak pernah terjadi pada rumah tradisional Melayu pada masa dulu. Sebagai rumah yang tidak lagi menitikberatkan konsep ruang tertentu, maka rumah-rumah limas lebih mementingkan soal fungsi. Ini adalah jelas sekali apabila ditinjau kebanyakan rumah-rumah limas telah banyak ditambah ruang-ruang bilik untuk tempat tidur bagi anak-anak gadis, teruna, bilik tidur tetamu dan juga bilik tidur ibu bapa. Perkara ini tidak pernah berlaku pada rumah tradisional Melayu, kerana ruang-ruangnya yang luas terbuka itu dapat digunakan lebih dari satu fungsi.